

01 JUN 2003

Syed Hamid-G8

MALAYSIA AKAN TERUS SUARAKAN PANDANGAN

Oleh: Yong Soo Heong

EVIAN, (Perancis) 1 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini menyatakan Malaysia perlu terus menyuarakan pandangannya di forum-forum antarabangsa sekiranya ia mahu pendiriannya didengar oleh orang lain.

"Sekiranya kita berhenti bersuara, pandangan kita langsung tidak akan didengari," katanya pada taklimat media Malaysia malam Sabtu lalu mengenai pentingnya jemputan oleh Presiden Perancis Jacques Chirac kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di sini.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir bersetuju untuk menghadiri sidang kemuncak tersebut kerana undangan tersebut sangat bermakna.

G8 dianggotai Perancis, Jerman, Russia, Kanada, Itali, Jepun, Britain dan Amerika Syarikat.

Ketua-ketua negara dunia yang berkumpul di sini hujung minggu ini termasuklah Cancellor Jerman Gerhard Schroeder, Presiden Russia Vladimir Putin, Presiden AS George W. Bush, Perdana Menteri British Tony Blair, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien dan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi.

Sidang kemuncak itu turut mengundang ketua-ketua negara lain dari 12 negara membangun selain Malaysia dan institusi utama seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Bank Dunia dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Antara tokoh-tokoh itu termasuk Setiausaha Agung PBB Kofi Annan dan Presiden Mesir Hosni Mubarak.

Syed Hamid berkata selepas tragedi 11 Sept dan pencerobohan di Iraq, negara-negara membangun tidak mempunyai ruang yang mencukupi bagi membolehkan mereka melahirkan pandangan.

Justeru, beliau berkata ia adalah satu penghormatan kepada Malaysia apabila Chirac mengundang Dr Mahathir ke sidang kemuncak Evian di mana beliau dijangka memperkatakan mengenai kerjasama dan pembangunan antarabangsa terutama isu-isu berkaitan perdagangan.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir bukan sahaja bercakap sebagai Perdana Menteri Malaysia tetapi juga selaku Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai 116 negara dan pandangan serta pemikirannya adalah mencerminkan kebimbangan negara-negara membangun.

"Jawatan pengerusi NAM yang dipegangnya memberikan pengaruh dan kewibawaan untuk diterima kerana bukan lagi menyuarakan pendirian Malaysia sahaja (tetapi juga sebagai pengerusi pergerakan yang dianggotai 116 negara) kerana idea dan pandangannya mencerminkan kebimbangan negara-negara membangun," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata ketika Perancis memberikan penekanan khusus kepada NEPAD (Perkongsian Baru bagi Pembangunan Afrika) di Sidang Kemuncak G8, anggota-anggota NEPAD juga merupakan anggota NAM.

Pada Sabtu, Dr Mahathir menemui Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki untuk bertukar pandangan mengenai beberapa isu termasuklah pembangunan ekonomi, pelancongan dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Syed Hamid berkata pertemuan itu akan membolehkan kedua-dua pemimpin merancang strategi apa yang perlu dibangkitkan di Evian bagi mengelak sebarang pertindihan isu memandangkan masa yang terhad.

Sidang Kemuncak itu diadakan secara tidak rasmi dan bermula dengan majlis makan tengah hari sambil berbincang pada Ahad dan dijangka berakhir

sehingga 6 petang, di sini.

Bagaimanapun, pemimpin-pemimpin negara anggota NEPAD dari Afrika Selatan, Nigeria, Senegal, Mesir dan Algeria yang menghadiri sidang kemuncak ini akan berbincang semasa majlis makan malam.

Dr Mahathir, yang menginap di Lausanne, bandar di tepi Tasik Geneva sebelah Switzerland, akan menaiki bot merentasi tasik itu sebelum tengah hari untuk menghadiri sidang kemuncak tersebut yang diadakan di Hotel Royal, Evian.

Beliau juga dijangka mengadakan pertemuan singkat dengan Chirac sebelum majlis makan tengah hari itu dan menemui Presiden Putin pula selepas itu.

Dr Mahathir akan kembali ke Lausanne pada petangnya sebelum menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh Duta Besar Malaysia ke Switzerland, Datuk Ismail Mustapha.

Sebelum meninggalkan Lausanne untuk ke Jepun pada Isnin, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Presiden China Hu Jintao.

-- BERNAMA

SHY MR ZK MOZ